

07/11/2000

MAS: Kerajaan bincang beli saham Tajudin

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan kerajaan sedang berbincang untuk membeli saham milik Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli, dalam syarikat penerbangan itu.

"Ya, kita sedang bincang," katanya ketika ditanya sama ada kerajaan berbincang untuk mengambil alih saham MAS yang dimiliki Tajudin, dalam sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

Tajudin menguasai 29.09 peratus pegangan dalam MAS menerusi syarikat miliknya, Naluri Bhd (Naluri). Beliau menguasai 47.71 peratus ekuiti dalam Naluri.

Terdahulu, ketika ditanya sama ada MAS akan mempunyai seorang pengerusi baru dan jika benar bila pelantikan itu akan dibuat, Dr Mahathir berkata perkara itu akan dilakukan sebaik saja isu saham Tajudin dalam MAS diselesaikan.

"Tetapi buat masa sekarang, beliau mempunyai pegangan kawalan, jadi anda perlu memberikannya hak untuk mengurus (MAS). Tetapi jika anda mahu menguasai (pegangan), maka kita akan membeli daripadanya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan mesyuarat Majlis Telekomunikasi Komanwel ke-40.

Mengenai sama ada wujud bantahan kepada pelantikan orang asing bagi jawatan Ketua Eksekutif MAS, Perdana Menteri berkata: "Banyak syarikat besar, syarikat kecil... kebanyakan orang yang mengendalikannya walau dalam negara sekalipun, mereka cenderung untuk mempunyai rakan kongsi strategik, malah pengurus asing.

"Maka, ia kemungkinan. Saya tidak berkata bahawa perkara itu sudah diputuskan."

Khamis lalu, sebuah akhbar tempatan dalam laporan muka depannya memetik Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, sebagai berkata calon yang akan menggantikan Tajudin sudah dikenal pasti dan pengumuman mengenainya akan dibuat.

Naluri dilaporkan meninjau untuk menjual semua atau sebahagian daripada kepentingannya bagi memperolehi tunai untuk menyelesaikan hutang berjumlah lebih RM1 bilion.

Beberapa syarikat penerbangan asing dikaitkan dengan perbincangan untuk membeli ekuiti dalam MAS itu termasuk Qantas Airways, SwissAir, Air France dan KLM Royal Dutch Airlines.

Ini berikutan kelulusan kerajaan awal tahun ini kepada MAS untuk meningkatkan had pegangan asing kepada 45 peratus daripada 30 peratus sebelum ini. Buat masa kini, ekuiti asing dalam MAS adalah 16.57 peratus.

Ditanya status perbincangannya dengan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin mengenai kemungkinan rakan kongsi strategik asing untuk MAS itu, Dr Mahathir berkata: "Peringkatnya ialah Menteri Kewangan sedang berbincang mengenainya."

(END)